

Kenapa Teknik Ini Ditulis?

Dalam dunia trading yang penuh dengan cabaran, lambakan teknik yang terlalu kompleks, dan emosi yang tidak terkawal, ramai trader—terutamanya yang baru bermula—terperangkap dalam kitaran kerugian dan kekeliruan. Teknik ini ditulis sebagai satu panduan praktikal dan mudah difahami untuk membantu anda keluar dari kitaran tersebut, dan mula berdagang dengan lebih **disiplin, jelas dan berstruktur**.

Fokus utama teknik ini adalah **reversal candlestick pada zon kritikal pasaran**, iaitu kawasan sokongan, rintangan, dan zon teknikal yang mempunyai kebarangkalian tinggi untuk berlakunya perubahan arah harga. Dengan memahami tingkah laku candlestick dan menggabungkannya dengan pengurusan risiko yang ketat, anda tidak lagi perlu bergantung pada indikator yang lambat atau sistem yang mengelirukan.

Teknik ini telah diuji dan sudah terbukti keberkesanannya serta konsistensinya. Anda digalakkan untuk print-out ebook ini agar lebih mudah menjadikannya sebagai rujukan.

Tujuan utama teknik ini ialah:

- ✓ Membina kefahaman kukuh tentang trend, candle, dan perancangan entry
- ✓ Mengajar cara mengenal pasti peluang berkualiti tinggi berdasarkan candlestick
- ✓ Membantu anda masuk trade dengan **keyakinan dan pelan risiko yang jelas**
- ✓ Menjadikan trading anda seperti seorang profesional — bukan berjudi, tetapi berniaga dengan risiko terkawal dan sistematik

Jika anda seorang trader yang serius ingin ubah cara anda melihat pasaran, teknik ini ditulis khas untuk anda.

Ikhlas!

*Mohd Nasyit,
pullbackforextrading.com*

Telegram >> <https://t.me/+u7vaK2C0LJtIYjc9>

ISI KANDUNGAN

◆ Bab 1: Memahami Trend Pasaran

Objektif: Belajar mengenal pasti dan mentafsir arah aliran pasaran.

- Apa itu trend menaik?
- Apa itu trend menurun?
- Cara mengenal pasti arah trend menggunakan swing high dan swing low.
- Garisan trend dan purata bergerak untuk pengesahan trend.

◆ Bab 2: Pengenalan Asas Candlestick

Objektif: Fahami struktur dan jenis-jenis candlestick.

- Anatomi candlestick (badan, ekor, buka, tutup)
- Candlestick Bullish vs. Bearish
- Isyarat satu candlestick vs. corak gabungan

◆ Bab 3: Tingkah Laku Candlestick dan Logik Reversal

Objektif: Kuasai konsep utama candlestick reversal

- Candle bullish di dasar adalah reversal untuk trend menurun kepada menaik, dan candle bearish di puncak adalah reversal untuk trend menaik kepada menurun.
- Mentafsir kekuatan candlestick dalam konteks trend
- Guna candlestick bullish/bearish pattern sebagai isyarat reversal

◆ Bab 4: Mengenal Pasti Zon Reversal Berkemungkinan Tinggi

Objektif: Gunakan tahap teknikal untuk tingkatkan ketepatan isyarat.

- Zon sokongan dan rintangan
- Nombor bulat(genap), angka psikologi
- Kawasan retracement Fibonacci

◆ Bab 5: Aplikasi Carta Sebenar

Objektif: Aplikasikan teori pada contoh carta sebenar.

- Menandakan tahap-tahap penting
- Mengesan isyarat reversal candlestick di sokongan/rintangan
- Perancangan masuk dan keluar dagangan

◆ Bab 6: Asas Pengurusan Risiko

Objektif: Belajar melindungi modal sambil memaksimumkan keuntungan.

- Peraturan risiko setiap dagangan (cth: 1% daripada akaun)
- Penetapan stop-loss berdasarkan struktur
- Strategi breakeven
- Nisbah risiko-ganjaran (cth: 1:2 atau lebih)

◆ Bab 7: Penambahbaikan Strategi & Tip Akhir

Objektif: Bina rutin dagangan berdasarkan konsep ini.

- Menulis jurnal dagangan
- Pengesahan pelbagai rangka masa
- Ujian backtesting strategi reversal candlestick
- Elak overtrading

❖ Sumber Bonus: Template Senarai Semak Dagangan

- Senarai checklist anda sebelum membuat entry

Disclaimer: All the articles and information provided on this ebook are solely for educational purposes only. pullbackforextrading.com and its affiliates will not be held responsible for any damages or losses incurred in your trades. It is important for you to be aware that Forex, Options, and Cryptocurrency trading comes with huge risks and great rewards. If you cannot bear the unanticipated losses, please do not participate in such investments. Trade only at your own comfort level of risk. We do not promote nor provide facilities to trade futures, CFDs, options, cryptocurrency, forex or any financial instruments. It is also noteworthy that all past examples do not reflect future results.

◆ Bab 1: Memahami Trend Pasaran

❖ Objektif:

Mempelajari cara mengenal pasti dan mentakrifkan trend pasaran, yang merupakan asas penting dalam setiap keputusan dagangan yang menguntungkan.


▲ Apa Itu Uptrend?

Uptrend (Trend menaik) berlaku apabila harga bergerak semakin tinggi dari semasa ke semasa. Ia dicirikan oleh:

- **Puncak tinggi yang lebih tinggi (higher highs)**
- **Puncak tinggi kepada rendah (higher lows)**

Corak ini menunjukkan **tekanan belian yang kuat** dan menandakan kawalan oleh pembeli (bulls).

❖ Contoh:



▼ Apa Itu Downtrend?

Downtrend (Trend menurun) adalah sebaliknya, iaitu apabila harga bergerak semakin rendah dari semasa ke semasa. Ia dikenali melalui:

- **Dasar terendah kepada puncak tinggi (lower highs)**
- **Dasar terendah kepada lebih rendah (lower lows)**

Corak ini menunjukkan **tekanan jualan yang kuat** dan penguasaan oleh penjual (bears).

▣ Contoh:



Cara Mengenal Pasti Arah Trend Menggunakan Puncak dan Dasar

Puncak dan dasar (swing highs & swing lows) adalah cara paling semula jadi untuk menentukan struktur pasaran:

- **Dalam uptrend:** Harga membuat puncak baru dan pullback (penurunan) kekal lebih tinggi daripada dasar sebelumnya.
- **Dalam downtrend:** Harga membuat dasar baru dan pullback (kenaikan) gagal melepassi puncak sebelumnya.

➲ **Tip:** Gunakan garisan mendatar untuk menandakan puncak dan dasar agar lebih jelas di carta.

❖ Trendline sebagai pengenal-pasti trend dan trade setup

► Garisan Trend (Trendline):

Dilukis dengan menyambung sekurang-kurangnya dua **dasar dalam uptrend** atau dua **puncak dalam downtrend**. Ia membantu:

- Menunjukkan struktur trend secara visual
- Bertindak sebagai sokongan/rintangan dinamik



❖ Ringkasan:

- Gunakan puncak dan dasar untuk mengenal pasti arah trend.
- Trend dan trade setup juga boleh dikenalpasti menggunakan trendline.
- Sentiasa utamakan dagangan **mengikut arah trend** kecuali terdapat bukti kukuh untuk pembalikan arah(break SNR ataupun trendline).


◆ Bab 2: Pengenalan Asas Candlestick

⌚ **Objektif:** Fahami struktur asas candlestick dan jenis-jenisnya supaya anda dapat membaca isyarat harga dengan lebih tepat.

❖ Anatomi Candlestick

Setiap candlestick terdiri daripada beberapa bahagian penting:

- **Badan (Body):**
Bahagian utama candlestick yang menunjukkan jarak antara harga **buka** dan **tutup** dalam tempoh masa tertentu.
- **Ekor (Wick) / Bayang (Shadow):**
Garis nipis di atas dan bawah badan candlestick yang menunjukkan harga tertinggi (high) dan terendah (low) pada tempoh tersebut.
- **Harga Buka (Open):**
Harga di mana pasaran bermula dalam tempoh candlestick tersebut.
- **Harga Tutup (Close):**
Harga di mana pasaran berakhir dalam tempoh candlestick tersebut.



❖ Candlestick Bullish vs. Bearish


- **Candlestick Bullish:**
Menunjukkan harga **tutup lebih tinggi** daripada harga buka. Ini menandakan pembeli menguasai pasaran. Biasanya badan candlestick berwarna hijau atau putih.
- **Candlestick Bearish:**
Menunjukkan harga **tutup lebih rendah** daripada harga buka. Ini menandakan penjual menguasai pasaran. Biasanya badan candlestick berwarna merah atau hitam.

❖ Isyarat Satu Candlestick vs. Corak Gabungan


- **Isyarat Satu Candlestick:**
Isyarat yang datang daripada satu candlestick sahaja. Contohnya seperti:

- **Pin Bar:** Candlestick dengan ekor panjang menunjukkan penolakan harga.
- **Doji:** Candlestick dengan badan sangat kecil menandakan ketidaktentuan pasaran.
- **Corak Gabungan Candlestick:**
Isyarat yang melibatkan dua atau lebih candlestick yang membentuk pola tertentu, contohnya:
 - **Engulfing Pattern:** Candlestick kedua “melebihi” badan candlestick pertama, menandakan potensi pembalikan arah.
 - **Morning Star dan Evening Star:** Corak tiga batang candlestick yang menandakan reversal (pembalikan trend).
 - **Harami:** Candlestick kecil tidak melebihi badan candlestick sebelumnya, menandakan potensi pembalikan.

Single Candlestick Pattern



Multiple Candlestick Pattern



Nota:

Memahami candlestick adalah asas untuk membaca psikologi pasaran. Gabungan isyarat candlestick dengan konteks trend dan tahap sokongan/rintangan boleh meningkatkan ketepatan dagangan anda.

◆ Bab 3: Tingkah Laku Candlestick dan Logik Reversal

⌚ **Objektif:** Kuasai konsep utama yang membantu anda membaca kekuatan dan potensi pembalikan (reversal) berdasarkan candlestick dalam konteks trend.

✓ Konsep Utama:

“Semua candle yang bullish di dasar adalah reversal kepada trend menurun, dan semua candle yang bearish di puncak adalah reversal kepada trend menaik.”

Ini bermaksud:

- **Candle bullish** yang terbentuk di dasar adalah petanda trend menurun akan berubah kepada menaik.
- **Candle bearish** yang terbentuk dipuncak adalah petanda trend menaik akan berubah kepada menurun.




✓ Mentafsir Kekuatan Candlestick dalam Konteks Trend

- Dalam **trend menurun**, candlestick yang menunjukkan tekanan beli kuat (candlestick bullish dengan badan penuh) dianggap sebagai isyarat reversal turun kepada menaik.
- Dalam **trend menaik**, candlestick yang menunjukkan tekanan jual kuat (candlestick bearish yang badan kecil dan ekor panjang) boleh menandakan keletihan pembeli dan kemungkinan besar untuk reversal dari naik kepada menurun.


✓ Candlestick Bullish di hujung Trend Menurun sebagai Isyarat Reversal

- Apabila dalam trend menurun, jika muncul candlestick bullish pattern, ini menandakan pembeli mula mengambil alih.
- Ini adalah petanda awal reversal dan peluang untuk masuk posisi beli di awal trend.
- Contoh: Bullish Engulfing, Hammer, atau Pin Bar yang kuat.



✓ Candlestick Bearish di hujung Trend Menaik

- Dalam trend menaik, candlestick bearish yang mempunyai badan kecil atau ekor panjang bawah yang menunjukkan penolakan harga (seperti Doji atau Shooting Star) sebagai petanda keletihan pembeli dalam pasaran.
- Ini menandakan kemungkinan tinggi reversal akan berlaku.



Nota:


Memahami tingkah laku candlestick dalam konteks trend membantu anda buat keputusan lebih bijak dan mengelak daripada trade yang berisiko tinggi seperti buy @ high, sell @ low.

◆ Bab 4: Mengenal Pasti Zon Reversal Berkemungkinan Tinggi

⌚ **Objektif:** Gunakan tahap teknikal penting untuk meningkatkan ketepatan isyarat reversal dan peluang trade yang menguntungkan.


✓ Zon Sokongan dan Rintangan di Major Timeframe Weekly/Daily

- **Sokongan (Support):** Tahap harga di mana demand (buyer) dianggap cukup kuat untuk menghentikan penurunan harga dan berpotensi menyebabkan harga naik semula.
- **Rintangan (Resistance):** Tahap harga di mana supply (seller) cukup kuat untuk menghentikan kenaikan harga dan berpotensi menyebabkan harga turun semula.
- Zon-zon ini sering menjadi kawasan reversal yang berpotensi tinggi kerana banyak trader akan bertindak balas di sini.



✓ Nombor genap dan nombor Psikologi


- Harga yang berada pada nombor bulat seperti 1.2000, 1.3000 atau 100.00 biasanya menjadi **tahap psikologi** yang kuat.
- Trader dan pelabur sering menetapkan order mereka pada tahap ini, menyebabkan harga sering berhenti, rebound, atau reversal di sekitar nombor bulat ini.
- Contohnya, harga EUR/USD sering menghadapi kesukaran menembusi tahap 1.2000 kerana ramai yang menganggapnya sebagai zon penting.



Angka genap seperti 1.1000, 1.1100 dll juga memberikan impak. Untuk lihat angka genap ini sila lukis di timeframe besar dan lihat bagaimana ia memberikan kesan pada pergerakan trend.

✓ Kawasan Retracement Fibonacci

- Teknik **Fibonacci retracement** membantu mengenal pasti tahap sokongan dan rintangan berdasarkan nisbah matematik penting seperti 38.2%, 50%, dan 61.8%.
- Kawasan retracement ini sering menjadi titik reversal yang kuat kerana trader menggunakan tahap ini untuk masuk atau keluar posisi.
- Menggabungkan retracement Fibonacci dengan zon sokongan/rintangan lain meningkatkan ketepatan isyarat.



Nota:

Menggunakan gabungan zon sokongan/rintangan, nombor bulat, Fibonacci, dan zon penawaran/permintaan membolehkan anda mengenal pasti kawasan reversal yang berpotensi dengan lebih tepat, sekaligus meningkatkan keberkesanan strategi trading anda.

Tips: Untuk dapatkan setup yang valid, cari setup reversal ini pada timeframe Weekly atau Daily. Tips melukis Fibonacci boleh didapati secara percuma di website <https://pullbackforextrading.com/?s=fibonacci>

◆ Bab 5: Aplikasi Carta Sebenar(latihan/praktikal)

⌚ **Objektif:** Aplikasikan teori yang telah dipelajari ke dalam contoh carta sebenar untuk meningkatkan kemahiran analisis dan pengambilan keputusan dagangan. Sila buat pada live chart broker anda.

❖ Menandakan Tahap-Tahap Penting

- Kenal pasti dan tandakan **zon sokongan dan rintangan** utama pada carta.
- Tandakan juga **nombor bulat** dan **level Fibonacci retracement** yang relevan.
- Gunakan garisan trend (trendline) dan purata bergerak (moving averages) untuk mengesahkan arah trend dan tahap kritikal.
- Ini membantu anda fokus pada kawasan yang berpotensi memberikan isyarat trading yang kuat.

❖ Mengesan Isyarat Reversal Candlestick di Sokongan/Rintangan

- Perhatikan candlestick yang muncul berdekatan dengan zon sokongan atau rintangan.
- Cari corak candlestick reversal seperti **Pin Bar**, **Engulfing**, **Hammer**, atau **Doji** yang menandakan pembalikan harga.
- Isyarat reversal yang berlaku berhampiran zon teknikal ini lebih dipercayai dan mempunyai peluang tinggi untuk berjaya.

❖ Perancangan Masuk dan Keluar Dagangan

- Rancang titik **entry** berdasarkan isyarat candlestick reversal dan konfirmasi zon teknikal.
- Tentukan **stop-loss** pada tahap yang logik, biasanya sedikit di bawah sokongan untuk posisi beli, atau di atas rintangan untuk posisi jual.
- Tentukan sasaran **take profit** dengan menggunakan nisbah risiko-ganjaran yang baik (contohnya 1:2 atau lebih tinggi).
- Sentiasa bersedia untuk menyesuaikan pelan berdasarkan perkembangan pasaran dan isyarat baru.

Nota:

Mengaplikasikan ilmu dalam carta sebenar membantu anda mengenal pasti peluang dagangan dengan lebih yakin dan mengurus risiko dengan lebih baik. Amalkan latihan konsisten supaya kemahiran ini semakin mantap.

Sila tandakan SNR pada gambar di bawah;



Tips: Marking boleh dibuat berdasarkan shadow atau body candle.

◆ Bab 6: Asas Pengurusan Risiko

⌚ **Objektif:** Pelajari cara melindungi modal sambil memaksimumkan keuntungan dalam setiap dagangan.

❖ Peraturan Risiko Setiap Dagangan

- Hadkan risiko anda pada setiap trade kepada **contohnya 1% daripada jumlah modal akaun**.
- Ini bermakna jika akaun anda RM10,000, risiko maksimum bagi setiap trade adalah RM100 sahaja.
- Dengan had risiko yang jelas, anda dapat mengawal kerugian dan mengekalkan modal untuk peluang dagangan seterusnya.

❖ Penempatan Stop-Loss Berdasarkan Struktur Pasaran

- Letakkan **stop-loss** pada tahap harga yang logik, biasanya di luar zon sokongan atau rintangan utama.
- Stop-loss mestilah berdasarkan analisis teknikal supaya tidak terlalu ketat (mudah terkena stop) atau terlalu longgar (mengundang risiko besar).
- Contoh: Jika anda beli di zon sokongan, letakkan stop-loss sedikit di bawah sokongan tersebut.

❖ Strategi Break-Even


- Apabila trade sudah bergerak ke arah yang menguntungkan, pindahkan stop-loss ke **titik entry price (break-even)** supaya anda tidak mengalami kerugian.
- Strategi ini membantu melindungi modal dan mengurangkan tekanan emosi semasa berdagang.

❖ Nisbah Risiko-Ganjaran (Risk-Reward Ratio)

- Pastikan nisbah risiko dan ganjaran setiap trade adalah **1:2 atau lebih tinggi**.
- Contohnya, jika risiko anda \$100, sasaran keuntungan mestilah \$200 atau lebih.
- Nisbah yang baik membantu memastikan keuntungan jangka panjang walaupun terdapat beberapa trade yang gagal.

Nota:

Pengurusan risiko yang baik adalah asas kejayaan dalam trading. Tanpa pengurusan risiko yang betul, keuntungan besar pun boleh musnah dalam sekilip mata.



Berdasarkan setup di atas, signal pin bar sell terbentuk di kawasan confluence antara trendline dan SNR. Entry dibuat pada candle kedua selepas signal.

Entry price: 1.0855

Stoploss: 1.0885

Takeprofit: 1.0650

Jika gagal anda akan rugi -30 pips

Jika Berjaya anda akan untung +205 pips

◆ Bab 7: Penambahbaikan Strategi & Tip Akhir

⌚ **Objektif:** Bina rutin dagangan yang konsisten dan berkesan berdasarkan konsep yang telah dipelajari.

❖ Menulis Jurnal Dagangan

- Catat setiap dagangan yang anda buat termasuk alasan masuk, titik masuk dan keluar, hasil dagangan, serta emosi dan pengajaran yang diperoleh.
- Jurnal ini membantu anda kenal pasti kekuatan dan kelemahan strategi serta memperbaiki keputusan dagangan masa depan.

TIPS: Cara mudah buat jurnal adalah dengan mencatatkan di telegram. Letakkan skrinshot dan terangkan tindak-tanduk anda. Catatkan untung dan rugi anda untuk review pada hujung minggu nanti.

❖ Pengesahan Pelbagai Rangka Masa (Multi-Timeframe Confirmation)

- Gunakan lebih daripada satu rangka masa untuk mengesahkan isyarat dagangan.
- Contohnya, jika anda melihat isyarat reversal pada carta 1 jam, sahkan juga arah trend dan zon sokongan/rintangan pada carta 4 jam atau harian.
- Ini meningkatkan ketepatan dan keyakinan dalam pengambilan keputusan.

❖ Ujian Backtesting Strategi Reversal Candlestick

- Uji strategi reversal candlestick yang anda gunakan pada data harga sejarah.
- Pastikan strategi memberikan keputusan positif dan sesuai dengan gaya dagangan anda sebelum digunakan secara langsung.
- Backtesting membantu mengurangkan risiko dan membina keyakinan.

❖ Elak Overtrading

- Jangan terlalu kerap membuka posisi dagangan tanpa alasan yang kukuh.
- Fokus pada peluang berkualiti tinggi sahaja, bukan banyak trade yang tidak terancang.
- Overtrading boleh menyebabkan keletihan, tekanan emosi, dan kerugian yang tidak perlu.

Nota:

Rutin dagangan yang disiplin dan penambahbaikan berterusan adalah kunci kejayaan dalam trading jangka panjang.

Trading Checklist Sebelum Entry

1. Pemilihan Pair

- Pair yang dipilih berada dalam **trend jelas** (menaik, menurun, dan abaikan jika sideways).
- Pastikan berita penting atau peristiwa ekonomi tidak akan keluar dalam masa terdekat yang boleh mengganggu trade. Buka forexfactory.com untuk senarai news.

2. Isyarat Candlestick

- Candlestick reversal yang jelas (contoh: Pin Bar, Engulfing, Hammer, Doji) muncul pada carta.
- Corak candlestick berlaku di kawasan **zon sokongan atau rintangan**.
- Kekuatan candlestick sesuai dengan arah potensi reversal (candlestick bullish kuat untuk reversal naik, bearish kuat untuk reversal turun).

3. Zon Sokongan & Rintangan (SNR) Major Weekly/Daily

- Entry dibuat berhampiran zon sokongan (beli) atau rintangan (jual).
- Zon SNR disahkan pada pelbagai rangka masa (multi-timeframe H1 dan H4).
- Pastikan stop-loss boleh diletakkan di luar zon SNR dengan jarak selamat.

4. Pengurusan Risiko

- Risiko pada trade tidak melebihi 1-2% daripada modal akaun.
- Stop-loss telah ditentukan dan diletakkan pada tahap logik berdasarkan struktur pasaran.
- Break-even plan disediakan jika trade bergerak ke arah menguntungkan.

5. Nisbah Risiko-Ganjaran (Risk-Reward Ratio)

- Sasaran take profit menawarkan nisbah risiko-ganjaran sekurang-kurangnya 1:2.
- Jika nisbah kurang dari 1:2, pastikan ada sebab kuat sebelum masuk trade.

6. Pengesahan Tambahan

- Indikator atau teknik lain (seperti moving average, RSI, atau Fibonacci) mengesahkan isyarat.
- Chart pattern jika ada untuk menyokong entry(HNS, double top/bottom, triangle)
- Tiada tanda-tanda overtrading atau emosi mengawal keputusan.

☞ **Nota Akhir:** Jika semua item di atas sudah disahkan dan setuju, barulah buat keputusan untuk masuk posisi (entry). Ini membantu anda trade secara disiplin dan sistematik.

Penutup:

Langkah Seterusnya Dalam Perjalanan Trading Anda

Tahniah kerana telah menghabiskan eBook ini.

Anda kini telah memahami asas penting dalam mengenal pasti trend, membaca candlestick dengan konteks yang betul, mengesan zon reversal berkemungkinan tinggi, serta menguruskan risiko dengan cara yang betul. Semua ini adalah asas kepada trading yang konsisten dan profesional.

Namun begitu, **ilmu tanpa tindakan tidak akan membawa hasil**. Apa yang membezakan trader biasa dengan trader berjaya adalah **disiplin, bimbingan yang betul, dan tindakan konsisten berdasarkan strategi yang telah terbukti**.

Jika anda merasakan teknik ini sudah cukup baik, tetapi anda masih:

- Ragu-ragu bila masa terbaik untuk entry?
- Sering masuk terlalu awal atau terlalu lambat?
- Tidak pasti cara sesuaikan teknik dengan gaya hidup anda?
- Perlukan bimbingan langsung?

Maka anda dijemput untuk menyertai **Program Mentoring Pullback Forex Trading** — satu program yang dibina khusus untuk trader yang mahu *upgrade* dari amatur kepada seorang yang **berdisiplin, fokus dan profitable**. Program ini adalah limited time sahaja. Mungkin tawaran ini tiada lagi di masa akan datang

Apa yang anda akan peroleh dalam Program ini:

- ✓ Menentukan trend hanya dengan candlestick
- ✓ Analisis pasaran mingguan/pemilihan pair yang sesuai berdasarkan minggu sebelumnya
- ✓ Trading dan strategi plan berdasarkan situasi semasa
- ✓ Sokongan personal dari saya
- ✓ Update percuma di masa hadapan

☞ **Jangan trade seorang diri. Dapatkan bimbingan anda hari ini!**

Klik pautan di bawah untuk ketahui lebih lanjut dan daftar tempat anda sekarang:

🌐 <https://pullbackforextrading.com/30-days-mentoring-program/>

✉ Sebarang pertanyaan: admin@pullbackforextrading.com

-END-